

**KENYATAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
MENGENAI PENEMUAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT  
NEGARA TAHUN 2013 SIRI 3**

**Perkhidmatan 1BESTARINET**

Perkhidmatan 1BestariNet merupakan komponen utama dalam Anjakan 7, Pelan Pembangunan Pendidikan 2013 - 2025. Program ini menyediakan Pelantar Pembelajaran persekitaran maya untuk mengupayakan pembelajaran akses sendiri. Kerajaan Malaysia melalui makmal New Key Economic Area - Content Connectivity and Infrastructure (NKEA-CCI) yang melibatkan syarikat-syarikat telekomunikasi tempatan dan agensi kerajaan yang berkepentingan telah mengenal pasti KPM sebagai pemangkin bagi pelaksanaan SchoolNet 2.0 yang telah dijenamakan semula sebagai 1BestariNet.

Pelaksanaan 1BestariNet telah mengambil kira dapatan kajian impak yang dilaksanakan oleh pakar perunding berkecuali yang diselaraskan oleh Unit Perancang Ekonomi. Reka bentuk rangkaian, spesifikasi perkhidmatan serta skop kerja telah dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Spesifikasi Teknikal Perkhidmatan 1BistariNet, KPM.

Berasaskan perakuan Jawatankuasa ini, KPM telah melancarkan tender terbuka untuk perolehan perkhidmatan 1BistariNet bagi tempoh lima belas tahun pada 15 Mei 2011 di mana 16 syarikat telekomunikasi telah menyertai tender tersebut. Setelah penilaian teknikal dan kewangan dilaksanakan oleh Lembaga Perolehan, KPM, Syarikat YTL Communications Sdn. Bhd. telah ditawarkan kontrak berkenaan pada 29 November 2011 selama dua tahun enam bulan mulai 13 Disember 2011 hingga 12 Jun 2014 berdasarkan kedudukan penilaian spesifikasi teknikal yang terbaik dan harga yang

munasabah yang konsisten dengan keputusan Kementerian Kewangan untuk membahagikan tempoh pelaksanaan mengikut fasa.

Penemuan dalam Laporan Ketua Audit Negara menyatakan bahawa perkhidmatan ini belum mencapai objektif sepenuhnya dalam merangkaikan perkhidmatan internet ke sekolah-sekolah di seluruh Malaysia. KPM ingin menjelaskan bahawa sehingga tamat tempoh kontrak pada 12 Jun 2014, pihak syarikat telah berjaya merangkaikan sebanyak 8,886 daripada 9,889 buah sekolah di seluruh negara dengan perkhidmatan 1BestariNet. Manakala sebanyak 1,003 sekolah tidak dapat dirangkaikan dengan 1BestariNet kerana syarikat gagal untuk mendapatkan kelulusan dari pihak berkuasa tempatan bagi membina menara telekomunikasi di beberapa negeri, khususnya di Negeri Sarawak, Pulau Pinang dan Kelantan. Walau bagaimanapun, bagi 1,003 sekolah yang belum dirangkaikan, KPM telah menyediakan perkhidmatan internet melalui talian internet interim yang disediakan oleh pembekal perkhidmatan internet yang lain bagi membolehkan sekolah-sekolah tersebut terus melaksanakan aktiviti pembelajaran murid secara dalam talian. Di atas kelewatan tersebut, pihak kerajaan telah pun mengenakan denda kepada syarikat YTLC Communications Sdn Bhd sebanyak RM2.4 juta pada 27 Oktober 2014.

Sekolah-sekolah yang dirangkaikan melalui perkhidmatan 1BestariNet dengan kelajuan 4Mbps telah dibekalkan dengan 3 Zoom bagi membolehkan guru dan murid mengakses internet di makmal komputer, bilik guru dan pejabat sekolah di mana berlakunya sebahagian besar aktiviti pembelajaran dan pengurusan sekolah. Dengan kewujudan persekitaran wifi di sekolah, kemudahan ini juga memberikan ruang dan peluang kepada lain-lain peranti mudah alih yang sedia ada menggunakan kemudahan capaian internet melalui rangkaian 1BestariNet. Ini secara tidak langsung meningkatkan jumlah pengguna serta mengakibatkan kesesakan kepada capaian internet berkapasiti 4Mbps yang disediakan ketika ini. Justeru itu, pengurusan penggunaan capaian lebar jalur 4Mbps secara cekap amat penting dilaksanakan di peringkat sekolah oleh

pengetua/guru besar bagi memastikan manfaat terbaik dapat diperoleh daripada kemudahan yang disediakan.

Sebagai langkah penambahbaikan, KPM telah mengarahkan supaya sekolah-sekolah menyediakan jadual penggunaan talian bagi mengurangkan masalah berkenaan dan ini ternyata berkesan di kawasan-kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak yang dirangkaikan dengan teknologi Very Small Aperture Terminal (VSAT) tetapi masih berupaya untuk melaksanakan program Sistem Pengurusan Sekolah (SPS) dengan jayanya. Selain itu, pihak syarikat telah membekalkan *dongles* kepada setiap sekolah. *Dongles* ini membolehkan guru-guru mencapai bahan-bahan pembelajaran murid dalam kawasan-kawasan sekolah yang tidak berada dalam liputan wifi Zoom.

Untuk memastikan kualiti rangkaian yang dibekalkan menepati piawaian yang ditetapkan oleh International Telecommunications Union (ITU), KPM telah melaksanakan pengauditan ke atas rangkaian 1BestariNet secara rawak pada Disember 2013. Dalam tempoh pengauditan tersebut, KPM mengukur kelajuan lebar jalur (*bandwidth*), kependaman (*latency*), penurunan paket (*packet drop*) dan naik opelet (*jitter*). Kesemua pengauditan yang telah dijalankan sepanjang tempoh kontrak mendapati bahawa rangkaian 1BestariNet memenuhi Aras Jaminan Perkhidmatan (SLG) yang ditetapkan. Bagi mengesahkan kualiti rangkaian yang dibekalkan pembekal serta dapatan pengauditan KPM, pengauditan oleh agensi luar dan pihak berkecuali juga dilaksanakan dari semasa ke semasa. Antara agensi luar yang pernah dilibatkan dalam pengauditan rangkaian 1BestariNet ialah MAMPU dan Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia. Setakat ini, berdasarkan pengauditan rangkaian yang dilaksanakan secara berkala, pembekal didapati memenuhi aras jaminan perkhidmatan (SLG) seperti dalam kontrak 1BestariNet.

Mengenai penemuan audit terhadap pencapaian kewangan bagi projek ini bahawa bayaran ke atas perkhidmatan lebar jalur 10Mbps bagi Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) di seluruh Malaysia sejumlah RM0.32 juta tidak diperuntukkan dalam Lampiran B - Jadual Harga Kontrak dan tiada sebarang kelulusan pelarasan nilai

kontrak, KPM ingin menjelaskan bahawa pembayaran tersebut tidak diperuntukkan dalam Jadual Pembayaran Projek. Namun, skop kerja dan kadar pembayaran adalah seperti yang tercatat dalam kontrak [Klausula 4.2(b)] di mana jadual harga kontrak dan jumlah perbelanjaan projek 1BestariNet adalah di bawah siling kontrak.

Mengenai penemuan audit berkaitan Pelantar Pembelajaran Maya (VLE), VLE ia merupakan komponen yang paling penting dalam projek perkhidmatan 1BestariNet. Tahap penggunaan dalam tempoh 3 tahun pertama adalah berada dalam lingkungan 5% sebagaimana lazim dalam program transformasi pengintegrasian ICT. KPM sedang memastikan tahap penggunaan VLE ditingkatkan kepada 30-35% dalam tempoh satu tahun. KPM telah mengambil langkah-langkah kukuh seperti berikut:

- (a) Memastikan prestasi capaian internet yang berupaya memberi pengalaman pengguna yang baik melalui pemantauan kualiti rangkaian yang proaktif dan rapi;
- (b) Memastikan setiap sekolah mempunyai kelengkapan ICT untuk melaksanakan e-Pembelajaran melalui program 1Murid 1Peranti serta program penyenggaraan peralatan ICT;
- (c) Memastikan semua pengurus sekolah mempunyai kemahiran menguruskan sumber terhad melalui penjadualan optimum;
- (d) Memastikan VLE mempunyai bilangan kandungan (pelajaran) yang mencukupi dan boleh dicapai semua murid tanpa intervensi guru;
- (e) Memberi khidmat sokongan atas talian dan di sekolah; dan
- (f) Memantau dan memaklumkan pengurus sekolah sekiranya tahap penggunaan dalam kalangan murid tidak menepati tahap penggunaan dalam kalangan murid dan guru.

(g) KPM akan menetapkan KPI penggunaan VLE bagi 2015 khususnya di kalangan guru, di antara 25% hingga 40% penggunaan.

Mengenai penemuan audit berkaitan sewaan tapak, KPM ingin menjelaskan bahawa kontrak memperuntukkan bahawa kerajaan akan memberi pertimbangan, kebenaran dan kelulusan untuk mendirikan, membina atau memasang sebarang perkakasan atau peralatan 1Bris yang diperlukan dalam kawasan tapak pengguna. KPM telah mengenakan sewaan sebanyak RM1,000 setahun bagi semua tapak konsisten dengan keputusan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan. Dalam kontrak 1BestariNet, telah dinyatakan bahawa kos utiliti dibiayai oleh kementerian.

KPM turut ingin memaklumkan bahawa satu Jawatankuasa Siasatan telah ditubuhkan bagi mengenal pasti tindakan penambahbaikan.

Kementerian Pendidikan Malaysia  
10 November 2014